



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (35)

Tarikh : 19 November 2020

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI TANDAS SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2020

PUTRAJAYA, 19 November 2020 - YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mewakili YB Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 yang berlangsung secara maya melalui laman rasmi *Facebook* KPKT dari Dewan Kristal, KPKT pada hari ini.

Tujuan sambutan ini adalah sebagai tanda peringatan kepentingan kebersihan tandas di dalam hidup manusia, di samping menanam semangat cintakan tandas dalam kalangan rakyat Malaysia, sekaligus meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya menjaga kebersihan tandas. Ini secara tidak langsung meningkatkan imej kebersihan tandas awam di Malaysia. Sambutan pada kali ini adalah bertemakan **“Komuniti Prihatin, Tandas Bersih”**.

Penggunaan tandas tidak lari dari risiko jangkitan COVID-19 kerana jangkitan penyakit boleh berlaku di mana-mana tempat awam dan kawasan-kawasan yang tidak bersih. Sebelum masuk ke tandas, semua pengguna tandas awam perlu mengamalkan etika penggunaan tandas mengikut norma baharu seperti memakai pelitup muka, membuat pemeriksaan suhu badan dan melengkapkan maklumat diri menggunakan aplikasi MySejahtera dan menggunakan *hand sanitizer* sebelum memasuki tandas awam. Semasa berada dalam tandas, pengguna perlu menjaga penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, tidak dibenarkan meludah ke dalam sinki, cuci tangan dengan sabun dan membuang sampah atau tisu ke dalam tong sampah yang disediakan.

KPKT menganjurkan pertandingan ini pada setiap tahun, di mana sejumlah 12 kategori tandas awam dipertandingkan, termasuk Tandas Awam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Bandaraya/ Perbandaran, PBT Daerah, Pejabat Kerajaan, Stesen Minyak, Hentian Awam, Kawasan Pelancongan, Kedai Makan/Restoran, Rumah Ibadat, Pusat Beli Belah, IPTA/IPTS, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Pertandingan ini melibatkan kerjasama beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkepentingan dalam penjagaan tandas seperti Persatuan Pegawai Kesihatan Persekitaran Malaysia (EHOM), Persatuan Bilik Air Berkualiti Malaysia (QRAM) dan Persatuan Kesihatan Environment Malaysia (MAEH). Tujuan penganjuran pertandingan ini adalah sebagai usaha mempromosikan budaya penjagaan tandas yang bersih, selamat dan selesa di Malaysia selari dengan aspirasi Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat kebangsaan yang bermula sejak tahun 2010.

Majlis ini turut disaksikan oleh YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta barisan Pengurusan Tertinggi KPKT.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*